

## **Kajian Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran (PdP) Kursus Pendek Pembuatan Kek Secara Dalam Talian (E-Pembelajaran) Di Kolej Komuniti Kuala Pilah**

**Norzita Suzalin Mohd Ali\* dan Helen Yong Lee Geok**

Kolej Komuniti Kuala Pilah

\*Pengarang perantara: norzita@kkkp.edu.my

### **Abstrak**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengkaji keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran (PdP) kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian (*online*) di Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP). Kursus pendek yang dilaksanakan di KKKP adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta daripada mana-mana agensi kerajaan, agensi swasta, industri, badan bukan kerajaan (NGO) mahupun orang perseorangan, tanpa mengira peringkat umur dan dimana sahaja lokasi mereka berada untuk menambah ilmu pengetahuan, kemahiran serta meningkatkan taraf sosio ekonomi melalui program yang fleksibel dan mudah alih (*mobile*). Kajian ini terbahagi kepada tiga aspek utama bagi mengenalpasti tahap keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian iaitu tahap keberkesanan fasiliti yang peserta gunakan ketika kursus pendek berlangsung, tahap keberkesanan bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa kursus, dan tahap kompetensi peserta terhadap PdP secara dalam talian. *Google Form* digunakan untuk mengedarkan soal selidik kepada seramai 40 orang responden. Responden terdiri daripada peserta kursus pendek secara dalam talian bagi kursus pembuatan kek tapak kuda dan pembuatan kek manga di KKKP. Statistik diskriptif telah digunakan untuk menganalisa data bagi menjawab persoalan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh tenaga pengajar berada pada tahap yang sangat baik dan positif. Manakala tahap keberkesanan fasiliti peserta kursus berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan dua faktor ini sangat memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan tahap kompetensi peserta terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian. Beberapa cadangan kajian dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan PdP kursus pendek secara dalam talian pada masa akan datang yang lebih fokus kepada Teknologi AI dalam pelaksanaan kursus pendek.

**Kata Kunci:** E-Pembelajaran, Kolej Komuniti, Kursus Pendek Pembuatan Kek

## 1.0 Pengenalan

Pengistiharan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang lepas berkenaan penularan wabak Covid-19 telah memberi kesan terhadap sektor Pendidikan. Malaysia telah mengambil langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana semua rakyat dinasihatkan untuk kekal dirumah dan bekerja dari rumah (*work from home*). Bagi memastikan pelajar boleh terus mendapatkan akses kepada pendidikan, satu inisiatif telah diambil oleh KPM bagi meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran iaitu PdP secara dalam talian ataupun *Home-based Learning* telah dipkenalkan (Nurul Hamimi Awang, Japilan dan Jahidih Sali, 2021).

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga telah mengambil keputusan melaksanakan semua PdP secara dalam talian sebagai langkah memutuskan rantai jangkitan virus tersebut. Keputusan ini telah mengubah mod pembelajaran secara bersemuka kepada secara dalam talian di semua Kolej Komuniti. Kolej Komuniti Kuala Pilah juga tidak terkecuali untuk melaksanakan PdP kursus pendek secara dalam talian.

PdP secara dalam talian di KKKP telah memberi peluang kepada ramai komuniti yang berada disekitar Kuala Pilah amnya dan komuniti yang berada di luar kawasan Kuala Pilah khasnya untuk menyertai kursus pendek yang dianjurkan oleh KKKP. Kemajuan teknologi pembelajaran yang pesat telah menjadikan medium pembelajaran secara dalam talian semakin diminati. Menurut (Zain Hazmi, 2008) [1], *synchronous or asynchronous* adalah merupakan kepelbagaian interaksi serentak atau tidak serentak yang dijangkakan berlaku diantara peserta dan tenaga pengajar semasa proses PdP secara dalam talian dijalankan.

Perlaksanaan PdP secara dalam talian secara komprehensif, akan menyebabkan pensyarah dan pelajar merasa tidak selesa dan kurang bersedia walaupun PdP secara dalam talian ini bukanlah sesuatu yang baharu bagi pelajar dan pensyarah. Beberapa halangan dan kekangan akan dihadapi sepanjang melaksanakan PdP secara dalam talian ini, dan belum pasti adakah halangan dan kekangan ini dapat ditangani ( Siti Azura Abu Hassan, 2021).

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Kolej Komuniti merupakan sebuah institusi awam yang memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan latihan dan kemahiran sepenuh masa kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kolej Komuniti juga merupakan Hub Pembelajaran Sepanjang hayat yang berperanan memberi latihan dan kemahiran kepada komuniti untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam pelbagai bidang melalui kursus pendek yang dijalankan secara separuh masa bagi membantu komuniti menjana pendapatan.

Akibat daripada penularan virus Covid-19 yang boleh menjejaskan kesihatan manusia serta mengakibatkan kematian telah memberi tamparan yang sangat hebat terhadap sistem pendidikan di Malaysia, apabila proses PdP

kursus pendek pembuatan kek secara bersemuka tidak dapat diteruskan seperti biasa. Adalah menjadi keperluan utama bagi Kementerian Pengajian Tinggi meneroka kaedah dan strategi PdP yang terkini untuk menarik minat komuniti menyertai kursus pendek yang ditawarkan. Medium pembelajaran secara dalam talian merupakan satu kaedah PdP yang digunapakai dalam situasi semasa. Kemajuan teknologi telah menjadikan komunikasi secara dalam talian ini lebih mudah dan cekap. Kaedah PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian menuntut pengajar dan peserta berkomunikasi secara *online* dengan menggunakan pelbagai kemudahan teknologi maklumat seperti Google Meet, WhatsApp, Telegram dan sebagainya.

Menurut (Mohd. Noorhadi Mohd. Yusof dan Zurinah Tahir, 2018), kemudahan internet banyak memberi manfaat kepada pengguna. Dalam sektor Pendidikan, internet memberi banyak kemudahan untuk mencari maklumat berkenaan PdP dan ia mudah dicapai dimana-mana sahaja lokasi. Di Malaysia, pengguna berpeluang memilih rangkaian yang diminati untuk mendapatkan akses internet seperti Umobile, Celcom, Digi, Maxis dan sebagainya.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Perlaksanaan PdP kursus pendek di semua kolej komuniti amnya dan Kolej Komuniti Kuala Pilah khasnya adalah secara bersemuka (*Face to face*), tetapi bermula pada awal Ogos 2020 semasa Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di laksanakan, kaedah PdP secara dalam talian mula diperkenalkan di semua Kolej Komuniti mengikut situasi semasa. Sehingga kini, PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian masih diteruskan di KKKP bergantung kepada situasi dan permintaan dari komuniti.

Terdapat banyak kelebihan dan kebaikan apabila PdP kursus pendek pembuatan kek dilaksanakan secara dalam talian. Dengan cara ini, ia dapat memberi peluang kepada peserta yang berada jauh di luar Daerah Kuala Pilah, peserta yang kurang berkemampuan dari segi kewangan, peserta yang tiada pengangkutan ke tempat kursus dan sebagainya menyertai kursus pendek pembuatan kek yang dianjurkan oleh KKKP bagi menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Matlamat utama adalah untuk memastikan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian tetap terus berjalan. Faktor ketidakpercayaan terhadap kejayaan pelaksanaan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian masih diragui oleh pengajar dan peserta kursus dengan alasan tiada kepuasan belajar jika tanpa bersemuka dengan tenaga pengajar, apatah lagi untuk mendapat hasil pembelajaran yang berkesan.

Kajian ini dilaksanakan bagi menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan kemampuan dan keyakinan Kolej Komuniti Kuala Pilah menggunakan medium penyampaian PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian. Kajian ini juga dijalankan bagi membuktikan sistem ini

benar-benar dapat membantu proses PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian dengan menghasilkan peserta kursus yang berilmu dan berkemahiran, serta mampu menjana pendapatan keluarga.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- 1.3.1 Mengenalpasti tahap keberkesanan fasiliti yang digunakan oleh peserta ketika kursus pendek berlangsung
- 1.3.2 Tahap keberkesanan bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa kursus pendek berlangsung
- 1.3.3 Mengenalpasti tahap keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian terhadap kompetensi peserta kursus

### **2.0 Sorotan Kajian.**

Pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian terdapat banyak kelebihan dan kebaikan. Ini dapat dibuktikan dari hasil kajian yang telah dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Menurut (Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T., & Soto, M.,2013) PdP secara dalam talian adalah sangat efisien. (R. Kurniawan,2012) dalam kajiannya menyatakan pembelajaran secara dalam talian ini dapat dilaksanakan pada bila-bila masa tanpa mengira dimana pelajar berada, dan pembelajaran berlaku secara lebih fleksibel.

Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN), menyatakan e-learning dapat membentuk seseorang pelajar yang bertanggungjawab dan berdikari didalam pendidikan. Ini telah dibuktikan dari hasil kajian (Fakhrul Anuar Aziz, 2002) [3] dimana dalam kajiannya beliau menyatakan keberkesanan *E-Learning* dapat menjadikan pembelajaran yang efektif dan efisien. (Pamungkas & Rofiq,n.d.) menyatakan faktor motivasi diri, komunikasi, dan kecekapan teknologi memainkan peranan yang penting bagi memastikan keberkesanan *E-Learning* ini. Hasil dari E-pembelajaran yang berkesan dalam PdP mendapati terdapat banyak peningkatan didalam sistem pendidikan di IPT khususnya yang mengamalkan pendidikan secara jarak jauh dan terbuka, ini telah dibincangkan oleh (Yusup ,2012) didalam kajian beliau.

(Jenal,2017) menyatakan munculan pelbagai teknologi ICT telah mewujudkan pelbagai bentuk medium komunikasi yang membolehkan maklumat disalurkan dengan lebih pantas serta menjadikan proses pembelajaran yang berkesan. (Yusof & Tahir,2018) didalam kajiannya melihat kepentingan dan keperluan penggunaan teknologi media semasa dalam pembelajaran telah membantu pelajar melaksanakan proses PdP yang berkesan.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Pengkaji telah menggunakan kajian berbentuk kuantitatif dimana borang soal selidik yang diedarkan kepada responden dengan menggunakan *google form*. Setiap responden dikehendaki menjawab semua soalan yang telah

diberikan didalam *google form* tersebut. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif ini kerana dapatan dari data berkenaan isu keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian adalah lebih terperinci dan tepat bersesuaian dengan objektif kajian ini. Seramai 40 orang responden yang telah terpilih, terdiri daripada peserta kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP mempunyai akses untuk menjawab soal selidik tersebut. Soalan soal selidik yang digunakan pengkaji adalah diperolehi dari kajian lepas dan diadaptasikan mengikut kesesuaian peserta kursus pendek pembuatan kek di Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Kertas soal selidik mengandungi bahagian demografi responden (maklumat diri), analisa tahap keberkesanan fasiliti yang peserta gunakan semasa PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP, analisa tahap keberkesanan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP dan Analisa tahap keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian terhadap kompetensi peserta kursus di KKKP.

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *System Statistical Package for Social Sciences for Windows Version (SPSS)*, secara deskriptif seperti skor min dan peratusan serta diterjemahkan kedalam bentuk jadual dan graf. Skala Likert 5 Mata pula digunakan untuk mengenal pasti tahap persetujuan responden bagi setiap persoalan yang ditanyakan.

#### 4.0 Analisa dan Perbincangan

Bahagian ini akan memaparkan hasil dapatan kajian berdasarkan daripada borang soal selidik yang telah diisi oleh responden. Statistik diskriptif digunakan bagi menerangkan keberkesanan PdP secara dalam talian. Pengkaji telah menggunakan sumber *Nunnaly & Bernstein (1994)* untuk mengetahui tahap nilai bagi min bagi setiap persoalan kajian.

**Jadual 1:** Jadual skor min dan interpretasi (*Nunnaly & Bernstein, 1994*)

Skor Min	Interprestasi
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnaly & Bernstein, 1994


#### 4.1 Analisa Demografi Responden

Untuk mengkaji keberkesanan PdP secara dalam talian di Kolej Komuniti Kuala Pilah, seramai 40 responden yang terdiri dari peserta kursus pendek pembuatan kek di KKKP telah terpilih untuk menjawab borang soal selidik. Hasil dapatan ini dibentangkan dalam bentuk jadual dan graf.

#### 4.1.1 Jantina

**Jadual 2:** Taburan Jantina Mengikut Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus %
Lelaki	5	12.5
Perempuan	35	87.5



Rajah 1: Taburan Jantina Mengikut Responden


Hasil dapatan kajian mendapati daripada 40 responden, seramai 5 orang (12.5%) terdiri daripada responden lelaki, manakala baki seramai 35 orang (87.5%) terdiri daripada responden perempuan. Dari data ini dapat disimpulkan bahawa, terdapat perbezaan jurang diantara jantina responden. Bilangan responden lelaki lebih rendah berbanding responden perempuan. Hal ini disebabkan oleh kaum lelaki lebih cenderung merasa malu untuk menyertai kursus yang berbentuk masakan kerana mereka berpendapat masakan ini dipelopori oleh kaum wanita sahaja. Oleh itu, adalah amat sukar untuk mendapatkan jumlah responden yang seimbang dari segi jantina.

#### 4.1.2 Bangsa

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan majoriti responden bagi kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP terdiri daripada bangsa melayu iaitu seramai 35 orang (87.5%). Kaum india pula seramai 3 orang (7.5%) dan lain-lain bangsa adalah seramai 2 orang (5%). Manakala tiada penyertaan dari kaum cina bagi kursus ini. Ketidakeimbangan bilangan responden mengikut kaum ini mungkin disebabkan oleh penawaran kursus pembuatan kek ini kurang diminati oleh kaum- kaum tersebut.

**Jadual 3:** Taburan Bangsa Mengikut Responden

Bangsa	Kekerapan	Peratus %
Melayu	35	87.5
Cina	0	0
India	3	7.5
Lain-lain	2	5




Rajah 2: Taburan Bangsa Mengikut Responden

#### 4.1.3 Umur

Rajah 3 menunjukkan taburan umur mengikut responden. Hasil daripada dapatan kajian, responden majoriti berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 30 tahun iaitu seramai 19 orang (47.5%). Manakala seramai 15 orang (37.5%) terdiri daripada responden yang berumur diantara 31 tahun hingga 40 tahun. Diikuti oleh responden yang berumur dalam lingkungan 41 tahun sehingga 50 tahun iaitu seramai 3 orang (7.5%), 10 tahun sehingga 20 tahun seramai 2 orang (5%) dan responden yang berumur 51 tahun hingga 60 tahun seramai seorang (2.5%) dan tiada penyertaan dari peserta yang berumur 51 tahun ke atas. Kursus pendek pembuatan kek ini lebih diminati oleh kumpulan belia, ini kerana kebanyakan daripada mereka terdiri dari suri rumah yang tidak bekerja dan mempunyai banyak masa yang terluang. Responden yang berbeza lingkungan umur ini mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza.

**Jadual 4:** Taburan Umur Mengikut Responden

Umur (Tahun)	Kekerapan	Peratus %
10-20	2	5
21-30	19	47.5
31-40	15	37.5
41-50	3	7.5
51-60	1	2.5
61>	0	0




Rajah 3: Taburan Umur Mengikut Responden

#### 4.1.4 Taraf Pendidikan

Jadual 5: Taburan Taraf Pendidikan Mengikut Responden

Taraf Pendidikan	Kekerapan	Peratus %
UPSR	0	0
SRP/PMR/PT3	3	7.5
SPM/SPMV	21	52.5
Sijil	8	20
Diploma	6	15
Ijazah Sarjana Muda	2	5
Sarjana	0	0
PhD	0	0



Rajah 4: Taburan Taraf Pendidikan Mengikut Responden

Rajah 4 menunjukkan pecahan taraf pendidikan mengikut responden. Dapatan dari hasil kajian soal selidik ke atas 40 responden, majoriti iaitu seramai 21 orang (52.5%) responden memiliki sijil SPM/SPMV. Manakala



responden yang memiliki Sijil adalah seramai 8 orang (7.5%). Diikuti pula oleh responden yang memiliki Diploma seramai 6 orang (15%), responden yang memiliki SRP/PMR/PT3 seramai 3 orang (7.5%), dan 2 orang responden (5%) memiliki Ijazah Sarjana Muda. Kebanyakan peserta kursus pendek pembuatan kek di sertai oleh golongan belia yang terdiri dari suri rumah sepenuh masa. Kursus pembuatan kek ini diminati oleh golongan ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya, kursus yang ditawarkan memenuhi citarasa, minat responden disamping dapat menambah ilmu dan kemahiran untuk membantu menjana pendapatan keluarga serta kemajuan kerjaya mereka. Selain itu, golongan belia ini juga terdedah dan mudah menerima perkembangan teknologi yang terkini.

#### **4.2 Analisa Tahap Keberkesanan (PdP) Kursus Pendek Pembuatan Kek Secara Dalam Talian di KKKP**

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisa jawapan yang diberikan oleh setiap responden setelah menjawab semua soal selidik. Jawapan yang diberi akan dinilai oleh pengkaji berdasarkan skala seperti jadual 6 di bawah.

**Jadual 6:** Skala Tahap Kompetensi


Skala	Tahap Kompetensi
Skala 1	Sangat Tidak Memuaskan
Skala 2	Tidak Memuaskan
Skala 3	Sederhana
Skala 4	Memuaskan
Skala 5	Sangat Memuaskan

##### **4.2.1 Analisa Tahap Keberkesanan Fasiliti Yang Peserta Gunakan Semasa Pdp Kursus Pendek Pembuatan Kek Secara Dalam Talian Di KKKP**

Hasil dapatan yang di perolehi pengkaji pada bahagian analisa tahap keberkesanan fasiliti yang peserta miliki semasa PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP dirumuskan kedalam Jadual 7. Berdasarkan kepada analisa tahap keberkesanan fasiliti responden semasa PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP berlangsung (Rujuk Jadual 7 dan Rajah 5) berada pada tahap sederhana tinggi dengan bacaan skor min 3.85 bagi dua item soalan iaitu peralatan latihan yang digunakan oleh peserta kursus bersesuaian semasa PdP berlangsung dan capaian internet ditempat peserta semasa PdP kursus pembuatan kek mudah diakses dan stabil. Ini disebabkan oleh beberapa faktor dimana kebanyakan responden menjalani PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian dari rumah kediaman, dimana tidak semua responden mempunyai ruang latihan yang khas dan bersesuaian serta mempunyai peralatan pembuatan kek yang lengkap seperti di bilik masakan KKKP. Kekangan tempat dan peralatan kursus yang dimiliki oleh peserta menyebabkan faktor keberkesanan fasiliti ini berada pada tahap sederhana tinggi.

**Jadual 7:** Analisa Tahap Keberkesanan Fasiliti

No.	Keterangan	Skala					Min	Persepsi
		1	2	3	4	5		
1.	Ruang latihan dan kursus peserta yang tinggi kondusif dan bersesuaian semasa PdP berlangsung	2 5%	1 2.5%	15 37.5%	13 32.5%	9 22.5%	3.65	Sederhana Tinggi
2.	Peralatan latihan yang oleh peserta bersesuaian semasa PdP berlangsung	1 2.5%	1 2.5%	10 25%	19 47.5%	9 22.5%	3.85	Sederhana Tinggi
3.	Bahan-bahan yang digunakan oleh peserta bersesuaian mengikut jenis kek yang dibuat semasa PdP dijalankan	1 2.5%	1 2.5%	16 40%	10 25%	12 30%	3.78	Sederhana Tinggi
4.	Capaian internet di tempat peserta semasa PdP kursus pendek pembuatan kek mudah diakses dan stabil	1 2.5%	2 5%	10 25%	16 40%	11 27.5%	3.85	Sederhana Tinggi
5.	Sistem audio visual yang digunakan oleh peserta semasa PdP kursus pendek secara dalam talian dijalankan lancar dan jelas	2 5%	1 2.5%	15 37.5%	12 30%	10 25%	3.68	Sederhana Tinggi



Rajah 5: Analisa Tahap Keberkesanan Fasiliti

#### 4.2.2 Analisa tahap keberkesanan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP

Hasil dapatan yang di perolehi pengkaji pada bahagian Analisa tahap keberkesanan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa kursus pendek pembuatan kek berlangsung dirumuskan kedalam Jadual 8. Berdasarkan kepada analisa tahap keberkesanan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) semasa PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP (Rujuk Jadual 8 dan Rajah 6) dengan bacaan purata min 4.45 berada pada tahap yang tinggi. Nota, latihan dan bahan rujukan yang mudah diakses dan diperolehi menjadikan PdP secara dalam talian ini menarik dan mudah difahami.



Rajah 6: Analisa Tahap Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar (BBM)


**Jadual 8:** Analisa Tahap Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

No.	Keterangan	Skala					Min	Persepsi
		1	2	3	4	5		
1.	BBM yang disediakan dan digunakan oleh tenaga pengajar Kursus pendek pembuatan kek mudah difahami	0 -	1 2.5%	5 12.5%	13 32.5%	21 52.5%	4.35	Tinggi
2.	BBM yang disediakan dan digunakan oleh tenaga pengajar semasa PdP kursus pendek bersesuaian dengan kursus yang dijalankan	0 -	1 2.5%	4 25%	13 47.5%	22 22.5%	4.40	Tinggi
3.	BBM yang disediakan oleh tenaga pengajar semasa PdP kursus pendek secara dalam talian mudah difahami dan digunakan	0 -	0 -	5 12.5%	13 32.5%	22 55%	4.43	Tinggi
4.	BBM yang disediakan oleh tenaga pengajar semasa PdP kursus menggunakan teknologi terkini	0 -	1 2.5%	4 10%	12 30%	23 57.5%	4.43	Tinggi
5.	Nota, latihan dan bahan rujukan yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa PdP kursus pendek secara dalam talian mudah diakses	0 -	1 2.5%	3 7.5%	13 32.5%	23 57.5%	4.45	Tinggi

#### 4.2.3 Analisa tahap keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian terhadap kompetensi peserta kursus di KKKP

Pada bahagian ini, pengkaji akan melihat tahap kompetensi setiap responden setelah mengikuti PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP berdasarkan kepada soalan yang telah dijawab oleh responden. Hasil dapatan daripada setiap jawapan responden berdasarkan soalan soal selidik yang telah diberikan akan di rumuskan kedalam jadual 9.

Berdasarkan kepada analisa tahap kompetensi responden (Rujuk Jadual 9 dan Rajah 7), setelah mengikuti PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian, didapati kompetensi peserta kursus sangat positif dan baik. Dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan peserta meningkat dengan nilai skor min 4.45 adalah aras tahap kompetensi peserta yang paling ketara peningkatan selepas kursus dijalankan. Aras yang kedua adalah tahap pemahaman peserta meningkat dengan nilai skor min 4.43, diikuti ketiga ialah tahap kemahiran peserta meningkat dengan nilai skor min 4.36, keempat kemampuan berkongsi ilmu dan kemahiran dengan nilai skor min 4.2 dan kemampuan menyelesaikan masalah dengan nilai skor min 4.0 Faktor penggunaan BBM yang berkesan dan fasiliti yang baik serta bersesuaian dengan kursus memainkan peranan yang sangat penting bagi meningkatkan kompetensi peserta. PdP secara dalam talian ini sangat membantu responden untuk menambah ilmu pengetahuan dan pemahaman berkaitan pembuatan kek.



Rajah 7: Analisa Tahap Keberkesanan Pdp Kursus Pendek Pembuatan Kek Secara Dalam Talian Terhadap Kompetensi Peserta Kursus Di KKKP

**Jadual 9:** Analisa tahap keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek terhadap kompetensi peserta kursus di KKKP

No.	Keterangan	Skala					Min	Persepsi
		1	2	3	4	5		
1.	Pengetahuan saya semakin bertambah setelah saya mengikuti PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian di KKKP	0 -	1 2.5%	3 7.5%	13 32.5%	23 57.5%	4.45	Tinggi
2.	Pemahaman saya juga meningkat setelah saya mengikuti PdP kursus pendek secara dalam talian di KKKP	1 2.5%	1 2.5%	2 5%	12 30%	24 60%	4.43	Tinggi
3.	Kemahiran yang ada pada saya meningkat setelah saya mengikuti PdP kursus pendek secara dalam talian di KKKP	0 -	1 2.5%	5 12.5%	12 30%	22 55%	4.36	Tinggi
4.	Saya berkemampuan untuk menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan kursus pendek yang saya ikuti secara dalam talian	1 2.5%	2 5%	8 20%	14 35%	15 37.5%	4.00	Tinggi
5.	Saya juga boleh berkongsi ilmu dan kemahiran yang saya perolehi dari kursus pendek yang saya ikuti secara dalam talian dengan orang lain.	0 -	1 2.5%	7 17.5%	15 37.5%	17 42.5%	4.2	Tinggi

## 5.0 Rumusan

Segala maklumat dan data yang diperolehi dari responden telah di analisa oleh pengkaji dan diterjemahkan kedalam bentuk jadual dan graf. Hasil kajian juga telah dibincangkan oleh pengkaji dimana dapat disimpulkan di sini bahawa kesemua faktor-faktor yang menentukan keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian adalah sangat penting. Penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian, menarik dan mudah di akses dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta kursus. Fasiliti bersesuaian yang dimiliki oleh peserta semasa PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian menjadikan tahap kompetensi peserta meningkat.

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan tahap kompetensi yang amat ketara pada setiap responden. Ini dapat dibuktikan dari analisa yang telah dibuat, tahap pengetahuan dan pemahaman responden semakin meningkat setelah menyertai PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian. Kemahiran responden juga meningkat, responden mampu bekongsi ilmu pengetahuan yang diperolehi dari PdP ini dengan orang lain.

Bagi menentukan kejayaan kursus pendek pembuatan kek yang dijalankan secara dalam talian, pengkaji mencadangkan supaya faktor fasiliti yang digunakan oleh setiap peserta kursus perlu diberi perhatian yang sangat terperinci. Kekurangan dan kelemahan fasiliti peserta akan mengganggu kebolehfahaman peserta. Setiap peserta perlu terlebih dahulu melengkapkan fasiliti asas yang akan digunakan sebelum menyertai PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian ini.

Dalam usaha untuk menyempurnakan kajian ini, pengkaji mendapati terdapat limitasi dan kekangan terhadap kajian ini. Pertamanya, responden yang dipilih untuk menjawab soal selidik yang dikemukakan hanya menggunakan peserta kursus pendek pembuatan kek tapak kuda dan pembuatan kek mangga di KKKP sahaja. Hasil daripada kajian ini tidak boleh mewakili keseluruhan kolej, kerana pendapat dan pandangan responden mungkin berbeza bagi peserta kursus dari kolej yang berlainan. Keduaanya, kajian ini hanya melihat kepada tiga faktor keberkesanan pelaksanaan PdP secara dalam talian iaitu faktor keberkesanan fasiliti yang digunakan oleh peserta, bahan bantu mengajar dan kompetensi peserta terhadap PdP secara dalam talian tanpa mengambil kira faktor-faktor lain yang berkemungkinan besar akan mempengaruhi keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian ini.

Berdasarkan kepada kekangan dan limitasi yang ada, kajian yang seterusnya perlu di tambah baik bagi memastikan keberkesanan PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan jayanya. Cadangan seterusnya ialah kajian ini perlu diperluaskan ke kolej komuniti yang lain bagi mendapatkan hasil kajian yang terbaik. Pada masa akan datang, fokus perlu diberikan kepada penggunaan Teknologi AI dalam PdP kursus pendek pembuatan kek secara dalam talian supaya nampak lebih menarik dan berkesan.

## Rujukan

- Fakhrul Anuar Aziz (2002). *Memfaatkan Sumber-sumber Percuma Internet dan WWW untuk Pendidikan*. Dalam Seminar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan Maktab Perguruan Batu Lintang, 18-19 September 2002
- Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T., & Soto, M. (2013). *A federal higher education iPad mobile learning initiative: Triangulation of data to determine early effectiveness*. *Journal of Innovation in Higher Education*, 39(1).
- Jenal, M. Z. (2017, March). *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes Di Kolej Komuniti Kuala Langat*. In eProceedings iCompEx17 Academic Paper.
- Mohd. Noorhadi Mohd. Yusof & Zurinah Tahir. 2018. *Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat dalam Pendidikan IPTA*. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 12: 1823-1884.
- Nunally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric theory*. Edisi ke-3. New York: McGraw Hill.
- Nurul Hamimi Awang Japilan & Jahidih Saili. 2021. *COVID-19: Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr) Amali Solat, Tilawah al-Quran dan Hafazan al-Quran Menggunakan Inovasi*. Prosiding Seminar Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan (SPIP2021) Peringkat Kebangsaan 24-26 Mac 2021. 351-363.
- R. Kurniawan, H. Henderi, and F. Nursetianingsih, "Penggunaan iPad Mendukung Pembelajaran pada Mahasiswa iLearning", *CCIT Journal*, vol. 6, no. 1, pp. 76-91, 2012
- Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin dan Zulkurnain Bin Hassan. (2021) *Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (Epembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat*. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization (Ijhtc)*.
- Yusup Hshim (2012) *Penggunaan e-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan*. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012*, (October 2012), 1-25.
- Yusof, M. N. M., & Tahir, Z. (2018). *Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan ipta (Importance of Information Technology-Driven Social Media in Public Institutes of Higher Education)*. *e-Bangi*, 14(3), 1-10.
- Zain Hazmi Bin Zain Baharin. (2008). *Keberkesanan Pembelajaran Dalam Talian Dan Kesannya Terhadap Kepuasan Belajar Dan Pencapaian Pelajar Di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh*. Universiti Pendidikan Sultan Idris